

Kemahiran Digital Semakin Meningkat: Lebih 90% penduduk Malaysia menunjukkan kecekapan dalam kemahiran asas ICT, golongan belia mendahului dalam kemahiran digital (melebihi 95%)

Capaian kepada peralatan dan perkhidmatan ICT oleh isi rumah

- Secara keseluruhan, pada tahun 2024 semua peralatan dan perkhidmatan ICT menunjukkan peningkatan kecuali siaran TV berbayar yang mencatatkan penurunan ketara sebanyak 9.9 mata peratus kepada 67.1 peratus (2023: 77.0%). Peratusan capaian oleh isi rumah tertinggi direkodkan oleh peralatan telefon bimbit, televisyen dan radio yang masing-masing mencatatkan 99.5 peratus, diikuti oleh Internet (96.8%) dan komputer (92.2%).
- Capaian Internet oleh isi rumah di bandar menunjukkan peningkatan sebanyak 0.4 mata peratus kepada 98.8 peratus. Manakala, capaian Internet oleh isi rumah di luar bandar juga turut mencatatkan peningkatan sebanyak 0.5 mata peratus kepada 90.3 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Penggunaan kepada peralatan dan perkhidmatan ICT oleh individu

- Pada tahun 2024, penggunaan telefon bimbit oleh individu merekodkan peningkatan kepada 99.5 peratus berbanding tahun sebelumnya (99.4%). Kenaikan ini didorong oleh peningkatan penggunaan telefon bimbit di bandar (0.2 mata peratus; 99.8%) dan luar bandar (0.3 mata peratus; 98.9%).
- Penggunaan komputer menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 mata peratus kepada 80.7 peratus berbanding 80.4 peratus pada tahun 2023. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan penggunaan komputer di bandar sebanyak 0.5 mata peratus (86.5%) dan luar bandar sebanyak 0.7 mata peratus (64.3%).
- Penggunaan Internet menunjukkan peningkatan sebanyak 0.3 mata peratus kepada 98.0 peratus berbanding 97.7 peratus pada tahun 2023. Peningkatan ini dipengaruhi oleh peningkatan penggunaan Internet di bandar sebanyak 0.4 mata peratus (99.0%) dan di luar bandar sebanyak 0.3 mata peratus (95.3%).
- Perbandingan mengikut jantina merekodkan penggunaan Internet bagi lelaki menunjukkan peratusan yang lebih tinggi iaitu 98.4 peratus berbanding perempuan 97.6 peratus pada tahun 2024. Perbezaan antara kedua-dua jantina telah mengecil sebanyak 0.8 mata peratus pada 2024 berbanding tahun sebelumnya sebanyak 1.0 mata peratus. Perkembangan ini mencerminkan peningkatan kesaksamaan digital antara lelaki dan perempuan.

